

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Mualim Journal of
Social Science and Humanities

KEMAHIRAN KEPIMPINAN DALAM KARYA THIRUKKURAL

THE PRINCIPLES OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT IN THURUKKURAL

Shoveena Priya Thiagu ^{1*}, Ilangkumaran Sivanadhan ²,
M.Sargunavathy ³

¹ Department of Modern Languages, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. shoveenapriya@gmail.com

² Department of Modern Languages, Faculty of Languages and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: ilangkumaran@fbk.upsi.edu.my

³ Department of Tamil, Distance Education, University of Madras, India.
Email: gunavathym@gmail.com

*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/151>

Abstract

The purpose of this study is to study the leadership skills in Thirukkural. The objective to strengthen this research is identify the characteristics of leadership skills in Thirukkural. Researchers have used qualitative methods to analyze the content in Thirukkural to collect research data. Researchers have conducted fieldwork by using Interactive Analysis Model and interview method to collect data on leadership skills in Thirukkural. The Thirukkural was written by Thiruvalluvar is excepted to exceed 2000 years ago. The findings of the study indicate that Thiruvalluvar has emphasized several features to strengthen leadership skills in student life through Thirukkural. The findings of this study provide effective implications from Thirukkural to overcome the challenges faced by a leader among the students. The conclusion of this study shows that the Thirukkural is excepted to exceed 2000 years ago, is still provides more effective exposure to leadership skills to leaders.

Keywords: Leadership skills, Thirukkural, Thiruvalluvar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural. Objektif bagi mengukuhkan penyelidikan ini ialah, mengenal pasti ciri-ciri kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis kandungan dalam kuplet-kuplet Thirukkural mengenai kemahiran kepimpinan untuk memungut data kajian.

Pengkaji telah melakukan kajian lapangan dengan menggunakan Model Analisis Interaktif untuk mengumpul data mengenai kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural. Karya Thirukkural yang dikaryakan oleh Agung Thiruvalluvar dijangka melebihi 2000 tahun yang lalu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Thiruvalluvar telah menegaskan beberapa ciri untuk memantapkan kemahiran kepimpinan dalam kehidupan pelajar melalui karya Thirukkural. Dapatan kajian ini memberi implikasi yang berkesan daripada kuplet-kuplet Thirukkural bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh seorang pemimpin dalam kalangan pelajar. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa karya Thirukkural dijangka melebihi 2000 tahun yang lalu, ia masih memberikan pendedahan yang lebih luas dan berkesan kepada pihak pemimpin.

Kata kunci: Kemahiran Kepimpinan, Thirukkural, Thiruvalluvar

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 18th March 2021, revised 7th April 2021, accepted 25th April 2021

Pengenalan

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulia tahun 2017. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat semakan semula dan mewujudkan beberapa perubahan dalam standard kurikulum pendidikan Malaysia dengan melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). PPPM merupakan salah satu usaha KPM dalam transformasi sistem pendidikan negara. Dengan usaha ini, KPM dapat melahirkan generasi muda dengan segala kemahiran baharu bagi mengatasi cabaran abad ke-21 setanding dengan standard antarabangsa. PPPM 2013-2025 memberi fokus kepada penguasaan kemahiran abad ke-21. Dalam kontek ini, transformasi kurikulum merujuk kepada usaha penambahbaikan dalam sistem pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid untuk mencapai 6 aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti Nasional seperti yang disyorkan dalam PPPM 2013-2025 (PPPM 2013-2025: KPM, 2012)¹.

Kemahiran kepimpinan merupakan salah satu aspirasi murid yang amat penting dalam kalangan murid. Kemahiran kepimpinan saling berhubung kait dengan kebolehan dan keupayaan pelajar untuk memimpin pelajar lain secara berkesan. Sehubungan itu, pemimpin sekolah harus memiliki pengetahuan, berkemahiran dalam mengurus dan memimpin pelajar lain dengan menghadapi pelbagai cabaran (Esmael, Rozita & Amir, 2013)². Pada zaman pendidikan abad ke-21 dunia pendidikan harus memerlukan pengurus dan pemimpin yang mempunyai kualiti dan akauntabiliti yang tinggi supaya dapat mempengaruhi kejayaan pelajar dan sekolah secara berterusan (Widhyanti & Chahril@Charil 2016)³. Kemahiran kepimpinan merupakan suatu potensi pemimpin untuk bekerjasama untuk mencapai tujuan secara sukarela (Terry 2006)⁴. Sehubungan itu, Philips (2009)⁵ telah menegaskan bahawa para pendidik dan ibubapa perlu memainkan peranan yang amat pentingkan untuk mewujudkan kemahiran kepimpinan pelajar untuk menyedari kepentingan kemahiran ini dan membuat perubahan dalam kehidupan pelajar.

Seuhungan dengan ini, penyajak agung Thiruvalluvar juga membicarakan beberapa kuplet yang saling berkait rapat dengan kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural. Kemahiran kepimpinan memainkan peranan yang penting dalam pemimpin kumpulan, pemimpin pelajar dalam kelas, pengurus persatuan, ketua kelas dan sebagainya. Secara umumnya, seorang pemimpin perlu memiliki keupayaan dan kebolehan untuk membimbang, memerintah atau mengarahkan, memotivasi atau menginspirasi rakan sekumpulan dan sebagainya (Ponnammal Nadarajan, 2004)⁶. Agung Thiruvalluvar juga menegaskan beberapa kuplet yang berkaitan dengan aspek kepimpinan yang baik dan sistematik oleh seorang pemimpin. Kuplet Thirukkural meliputi banyak fakta kehidupan manusia dan mempertimbangkan kepentingan aspek kepimpinan. Walaupun Thirukkural 2000 tahun yang lalu, ia masih relevan dan menekankan kemahiran motivasi, komunikasi yang betul, mendengar, sikap positif, mengelakkan sikap negatif, kepentingan maklumat, pengetahuan, disiplin diri, mental seimbang dan sebagainya dalam seseorang pemimpin (H. Ranganathan, 2004)⁷. Ideologi Thiruvalluvar melalui kuplet-kuplet Thirukkural menjadi panduan dan penanda aras kepada pihak pemimpin dalam sesebuah organisasi. Kuplet Thirukkural dapat membantu untuk menguruskan sesebuah organisasi dengan lebih berkesan dan sistematik (Lalitha Suntharam, 2004)⁸.

Karya Thirukkural

Karya Thirukkural adalah sesuatu ciptaan yang mengandungi prinsip-prinsip etika dan moral oleh penyajak Tamil agung yang bernama Thiruvalluvar. Istilah *kural* yang merupakan nama karya itu adalah didahului dengan kata awalan *Tiru*. Kata awalan *Tiru* adalah mempunyai beberapa erti seperti ‘kekayaan’, ‘kesucian’, dan ‘keutamaan’ dan kata itu pernah digunakan sebagai tanda kehormatan untuk penjelmaan kedewaan, dan pemimpin-pemimpin manusia yang suci. Istilah *kural* dalam bahasa Tamil adalah menandakan sejenis kuplet yang terdiri daripada dua baris (Singaravelu,S.2013)⁹. Karya Thirukkural adalah terdiri daripada 1330 kuplet Thirukkural. Kuplet-kuplet Thirukkural dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu *Aram* iaitu “kesusilaan”, *Porul* iaitu “kekayaan”, *Inpam* iaitu “kesukaan”. Thirukkural juga dibahagikan dalam 133 bab kecil yang dikenali sebagai *Athikaram*. Setiap bab itu mengandungi sepuluh buah kuplet Thirukkural yang berkenaan dengan judul-judul tiga bahagian utama iaitu *Aram*, *Porul* dan *Inpam*. Ketiga- tiga bahagian ini membincangkan tentang perkembangan emosi, kekayaan dan rohani manusia secara universal dan ia menjadi panduan kepada kehidupan masyarakat. Walaupun, karya Thirukkural dijangka 2000 tahun yang lain ia masih memberi pendedahan yang paling penting dalam aspek kemahiran kepimpinan pada masa kini.


Objektif Kajian

Mengenalpasti ciri-ciri kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural.

Metodologi Kajian

Kajian ini dianalisis dengan menggunakan Model Analisis Interaktif (Miles, Huberman dan Saldana, 2014)¹⁰. Model Analisis Interaktif ini terbahagi kepada tiga strategi iaitu pengeciran data, persempahan data, dan verifikasi data atau penghasilan kesimpulan. Menurut Miles, Huberman

dan Saldana (2014), aplikasi teknik seperti Model Analisis Interaktif ini sangat berkaitan untuk menjelaskan atau menggambarkan data dalam bentuk kajian kualitatif.



Gambarajah 1. Model Analisis Interaktif dalam analisis data kajian kualitatif

Daripada Rajah 1, pengkaji telah membaca dan meneliti kuplet Thirukkural yang yang berkaitan dengan kemahiran kepimpinan. Daripada kuplet tersebut, pengkaji telah membaca dan memilih kuplet-kuplet Thirukkural yang berkaitan dengan aspek kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar. Dalam proses pembacaan data, pengkaji berusaha untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural bagi mencapai maklumat yang lebih terperinci. Kuplet-kuplet yang sudah diklasifikasikan dengan mengikut objektif kajian yang sudah ditentukan. Kaedah ini amat penting untuk mengkaji kandungan kuplet Thirukkural berdasarkan kemahiran kepimpinan dalam sesebuah organisasi.

Dapatan Kajian

Bab ini telah membincangkan tentang kuplet-kuplet Thirukkural yang berkaitan dengan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis kuplet-kuplet Thirukkural yang berkaitan dengan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Kemahiran Kepimpinan

Kemahiran kepimpinan dalam sesebuah organisasi amat penting untuk memudahkan proses pengurusan dalam kalangan pelajar di sesebuah sekolah. Seorang pemimpin perlu memainkan peranan penting untuk menguruskan segala aktiviti kumpulan dalam kelas atau aktiviti kokurikulum untuk mencapai sesuatu matlamat. Setiap pelajar di sekolah perlu mempunyai aspek kemahiran kepimpinan supata dapat menguruskan sesuatu aktiviti dengan cekap dan sistematik. Para pendidik perlu mendorong anak murid terhadap sikap kepimpinan dalam kehidupan mereka. Dengan ini, pelajar dapat mengagihkan setiap aktiviti kumpulan kepada pasukan mereka untuk mempermudahkan segala operasinya. Karya Thirukkural yang dihasilkan oleh penyajak agung Thiruvalluvar adalah sesuatu aset yang penting untuk menegaskan aspek kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar dalam kuplet-kuplet tertentu. Kuplet-kuplet Thirukkural yang berkaitan dengan aspek kepimpinan dapat memantapkan dan menjadi panduan kepada pelajar supaya dapat mencapai sesuatu matlamat dengan lebih berkesan. Kuplet-kuplet Thirukkural yang berkaitan dengan aspek kemahiran kepimpinan dapat menunjukkan hala tuju yang baik kepada pihak

pengurusan (Veerappan, S.M. & Shankar, K. 2004)¹¹. Secara langsung, kuplet-kuplet Thirukkural yang berkait dengan aspek kemahiran kepimpinan dapat berkesan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta aktiviti kokurikulum. Dengan ini, pelajar dapat menyelesaikan masalah dengan mengaplikasikan pengajaran yang diperolehi oleh Agung Thiruvalluvar semasa menjalankan aktiviti kumpulan dalam kelas atau aktiviti kokurikulum semasa waktu kokurikulum.

Vinaiththitpam

Dalam bab *Vinaiththitpam*, Thiruvalluvar telah memberikan beberapa cara untuk bertindak secara wajar dan bersemangat supaya dapat mengekalkan perhubungan yang erat antara satu sama lain dalam sesebuah organisasi. Pengkaji telah membincangkan sebanyak satu kuplet daripada bab tersebut.

உருவகண்டு எள்ளாமை வேண்டும் உருள்பெருந்தேர்க்கு
அச்சாணி அன்னர் உடைத்து
*Uruvukaṇṭu ennāmai vēṇṭum uruḷperuntērkku
accāṇi annar uṭaittu*

(Parimelazhagar, 2015:870)

Dalam kuplet ini, Thiruvalluvar telah menjelaskan bahawa peranan seorang pemimpin adalah sangat penting untuk menguruskan segala urusan dalam sesebuah organisasi. Pada zaman pendidikan abad ke-21, pelajar sentiasa melibatkan diri mereka dengan pelbagai aktiviti untuk menimba ilmu dari masa ke semasa. Aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025 juga menekankan kepentingan kemahiran kepimpinan dalam kehidupan pelajar. Sistem pendidikan berusaha untuk membantu setiap pelajar untuk mencapai potensi masing-masing dengan sepenuhnya. Jadi aspek kepimpinan ini dapat membantu pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat secara berkesan. Melalui kuplet tersebut, Thiruvalluvar telah menegaskan seorang pemimpin sekolah perlu menjadi teladan kepada pelajar lain supaya dapat mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. Pemimpin sekolah perlu memupuk sikap dan perilaku dengan menyumbangkan tenaga demi kejayaan dan kecemerlangan sekolah serta rela untuk berkorban untuk mencapai matlamatnya.

Vinaiceyavakai

Bab *Vinaiceyavakai* iaitu cara bertindak adalah bab ke-68 dalam Thirukkural. Bab ini telah dimaksudkan cara untuk melaksanakan sesuatu perkara atau tindakan dengan cekap dan sistematik. Seseorang pemimpin yang bersikap rasional perlu bertindak secara proaktif dan kreatif untuk melakukan sesuatu tugas dengan baik. Seseorang pemimpin perlu memainkan peranan yang agak penting iaitu bertindak dengan aktif. Dalam bab *Vinaiceyavakai*, Thiruvalluvar telah menjelaskan kepentingan sikap kepimpinan dalam sesebuah organisasi supaya dapat mengkekalkan keamanan dan kesejahteraan para pekerja. Pengkaji telah membincangkan sebanyak tiga kuplet daripada bab *Vinaiceyavakai*.

குழ்ச்சி முடிவு துணிவுள்யதல் அத்துணிவு
தாழ்ச்சியுள் தங்குதல் தீது
*Cūlacci muṭiyu tuṇivueytal attuṇiyu
tālcciyuḷ taṅkutal tītu*

(Parimelazhagar, 2015:874)

Dalam kuplet ini, Thiruvalluvar telah menjelaskan bahawa seseorang pemimpin harus memaparkan sikap keberanian untuk mengambil sesuatu keputusan yang bijaksana dalam sesebuah organisasi. Dengan penganjuran aktiviti kokurikulum pada setiap minggu pelajar dapat melaksanakan sesuatu perkara dengan lebih sistematik dan cekap. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum amat digalakkan supaya mereka dapat menimba pengalaman sebagai pemimpin yang disegani pada masa hadapan. Aktiviti kokurikulum juga dapat berkerjasama dalam berpasukan, mengurus kelab atau persatuan dan sebagainya. Sebelum melaksanakan sesuatu perkara sebagai seorang pemimpin pelajar perlu meneliti dan mengetahui latar belakang supaya dapat menganjurkan sesuatu dengan baik dan sistematik. Pemimpin pelajar perlu menentukan visi dan misi sesuatu kelab atau persatuan untuk mencapai kejayaan dalam masa hadapan. Pemimpin juga perlu menganalisis masalah yang dihadapi oleh para pekerja dan perlu mencari penyelesaian dan bertindak secara tegas serta bijaksana. Dalam kuplet tersebut, Thiruvalluvar menyatakan bahawa sebagai seorang pemimpin perlu mengambil keputusan yang cekap untuk menguruskan semua operasi dengan lancar dan sistematik.

Pakaittiram terital

Dalam bab Pakaittiram terital, Thiruvalluvar telah menjelaskan kepentingan sikap persahabatan dalam sesebuah organisasi supaya dapat mengelakkan sikap kejahanatan, tiada bertolak ansur dan permusuhan. Pengkaji telah membincangkan sebanyak satu kuplet daripada bab tersebut.

இளைத்துமுக மூன்றாம் கொல்க களையுநர்
கைகொல்லும் காழ்த்த இடத்து
*Ilaithumuka mułmaram kolka kalaiyunar
kaikollum kālta itattu*

(Parimelazhagar, 2015:1116)

Dalam kuplet ini, Thiruvalluvar telah menekankan bahawa pemimpin perlu mengambil keputusan yang wajar dalam kumpulan mereka supaya tidak berlaku perselisihan faham antara satu sama lain. Ia merupakan sesuatu tanggungjawab pihak pemimpin dalam sesebuah kumpulan. Keputusan yang diambil oleh seorang pemimpin adalah amat penting untuk menjaga kesejahteraan kumpulan masing-masing. Aktiviti kokurikulum juga dapat melahirkan sikap kepimpinan dalam kehidupan pelajar dengan memberi jawatankuasa tertentu. Ia merupakan sesuatu peluang kepada pelajar untuk membuktikan bakat mereka. Guru juga mendorong dan menasihati pelajar supaya mereka dapat melaksanakan kegiatan kokurikulum dengan baik dan sistematik. Para pemimpin perlu berkerjasama dengan rakan sekumpulan mereka untuk mencapai sesuatu matlamat. Perkara ini dapat mendorong pemimpin untuk memikirkan pelbagai kaedah yang sesuai bagi merealisasikan matlamat tersebut. Dengan ini tersebut, Thiruvalluvar telah menegaskan bahawa pemimpin perlu mempunyai visi dan misi untuk melakukan sesuatu perkara atau tugas demikian mencapai kejayaan.

Mānam

Bab *Mānam* iaitu kehormatan adalah bab ke-88 dalam karya Thirukkural. Bab ini telah dimaksudkan seseorang individu yang mempunyai sesuatu objektif untuk mencapai matlamat dalam kehidupan untuk mengekalkan penghormatan diri sendiri. Sikap penghormatan ini amat penting untuk menampilkkan seseorang yang berakhhlak mulia dan sentiasa memberi layanan yang bermersa dalam apa juar suasinya. Sikap ini dapat memupuk hubungan yang mesra dalam

sesebuah kelompak atau kumpulan. Dalam bab *Māṇam*, Thiruvalluvar telah membincangkan beberapa kaedah untuk mengekalkan sikap hormat–menghormati dalam kalangan rakyat supaya dapat menjaga keharmonian dalam sesebuah Negara.

பெருக்கத்து வேண்டும் பணிதல்; சிறிய
சுருக்கத்து வேண்டும் உயர்வு
*Perukkattu veṇṭum paṇṭital; ciriya
curukkattu veṇṭum uyarvu*

(Parimelazhagar, 2015:1216)

Dalam kuplet ini, Thiruvalluvar telah membincangkan bahawa pemimpin perlu mempunyai sikap kesederhanaan dan berkebolehan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti kumpulan dalam kelas secara sukarela. Pada zaman pendidikan abad ke-21, pelajar perlu bertindak secara kritis kreatif, inovasi dan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat mengatasi cabaran pendidikan dengan lebih cekap. Seorang pemimpin yang bersikap kesederhanaan, sentiasa mengambil tindakan yang wajar demi menjamin kesejahteraan masyarakat. Para pemimpin sentiasa berupaya untuk menggembangkan potensi yang ada dalam diri mereka untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam aktiviti kurikulum atau aktiviti dalam kelas. Pengamalan nilai tersebut, dapat membawa banyak kebaikan atau kelebihan dalam kalangan pelajar. Dalam kuplet tersebut, Thiruvalluvar telah menegaskan bahawa sikap kesederhanaan dan berkebolehan memainkan peranan yang amat penting dalam kalangan pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat. Apabila seorang pelajar yang bersikap aspek kepimpinan sentiasa berani untuk menghadapi sesuatu cabaran dalam kehidupannya.

Amaiccu

Bab *Amaiccu* iaitu menteri adalah bab ke-64 dalam Thirukkural. Bab ini telah dimaksudkan menteri-menteri perlu memberi nasihat kepada penduduk negara. Sesebuah negara perlu mempunyai beberapa menteri yang bertanggungjawab untuk menjadi keamanan dan keharmonian negara. Dalam bab *Amaiccu*, Thiruvalluvar telah mencadangkan beberapa ciri untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dalam organisasi masing-masing mahupun dalam sesebuah negara.

கருவியும் காலமும் செய்கையும் செய்யும்
அருவினையும் மாண்டது அமைச்சு
*Karuviyum kālamum ceykaiyum seyyum
aruvinaiyum māṇṭatu amaiccu*

(Parimelazhagar, 2015:826)

Dalam kuplet ini, Thiruvalluvar telah membincangkan bahawa pemimpin perlu merancang sesuatu perkara atau aktiviti dengan menggunakan masa yang tepat. Sebagai seorang pemimpin perlu berpengetahuan tinggi bagi mengorganisasikan semua perkara atau aktiviti semasa penganjuran aktiviti kurikulum atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pemimpin sentiasa bersedia untuk melibatkan diri dalam pengagihan kerja kepada kumpulan masing-masing dalam masa yang tepat dan sanggup melaksanakan sesebuah perkara dengan cekap dan sistematik. Dalam kuplet tersebut, Thiruvalluvar juga telah menekankan beberapa cara yang perlu dipatuhi oleh seorang pemimpin. Bagi menjayakan persatuan atau kelab kurikulum pemimpin sekolah perlu melakukan proses perancangan dan pengurusan dengan sistematik serta berkesan baik. Thiruvalluvar telah menjelaskan beberapa ciri-ciri pemimpin yang perlu dipatuhi oleh semua pemimpin dalam

sesebuah organisasinya. Pemimpin juga perlu menghayati sesuatu aktiviti atau perkara dengan penuh berpengetahuan untuk melaksanakan pekerjaan tersebut dengan baik dan cekap.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati bahawa aspek kemahiran kepimpinan yang diterangkan dalam karya Thirukkural boleh diguna pakai kepada pihak pemimpin dalam kalangan pelajar walaupun karya Thirukkural dianggar kira-kira melebihi 2000 tahun yang lalu. Aspek kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural dapat mewujudkan kemahiran berkomunikasi dan peka dengan isu semasa serta bijak untuk menangani sesebuah masalah. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat membincangkan secara terperinci mengenai aspek kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural. Pengajaran melalui kuplet-kuplet Thirukkural dapat membentuk sesebuah organisasi yang strategi dan sistematik dalam dunia pendidikan abad ke-21. Pihak pemimpin perlu memberi pendedahan kepada aspek kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural bagi memupuk sikap yang positif dalam kalangan pelajar agar dapat meningkatkan iltizam mereka untuk memperbaiki kemahiran dan tingkah laku yang diperlukan bagi menjayakan matlamat sekolah. Sehubungan itu, beberapa cadangan agung Thiruvalluvar dibuat dalam menghasilkan keputusan kajian yang lebih baik pada masa hadapan. Karya Thirukkural dilihat sebagai penanda aras untuk menyampaikan pengajaran kepada para pemimpin supaya dapat melahirkan sesebuah organisasi yang berkesan dan sistematik. Pihak pemimpin perlu memainkan peranan penting dalam mengimplementasikan aspek kemahiran kepimpinan berdasarkan karya Thirukkural.

Rujukan:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: KPM
2. Esmaeil, H., Rozita, Z., & Amir, H. M. (2013). The relationship between emotional intelligence and personality features with job satisfaction status of male junior high school teachers in Islamshahr city. *Journal of Educational and Management Studies*. Retrieved from [http://jems.science-line.com/attachments/article/18/JEMS,%20C,%202016%20%20J.%20Educ.%20Manage.%20Stud.,%203\(3\)%20205-214.pdf](http://jems.science-line.com/attachments/article/18/JEMS,%20C,%202016%20%20J.%20Educ.%20Manage.%20Stud.,%203(3)%20205-214.pdf)
3. Widhyanti, R. & Shahril@ Charil, M. (2016). Headmaster Instructional Leadership & organizational learning on the quality of Madrasah and the quality of graduates the state Madrasah Aliyah at Jakarta Capital Region. Higher Education studies. Retrieved from <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/hes/article/view/57546>
4. Terry, G.R. (2006). *Principles of Management*. Terj. Winardi. Bandung: Alumni.
5. Philips., C. E. (2009). *An exploration of identification of leadership for gifted students*. ProQuest Dissertations and Theses.
6. Ponnammal Nadarajan, K.C. (2004). *Pengurusan dalam karya Thirukkural [Management in Thirukkural]*. Chennai: International Institute of Tamil.
7. Ranganathan, H. (2004). *Karya Thirukkural dan Pengurusan. [Management in Thirukkural]*. Chennai: International Institute of Tamil.
8. Lalitha Suntharam. (2004). *Pengurusan dalam karya Thirukkural [Management in Thirukkural]*. Chennai: International Institute of Tamil.

9. Singaravelu, S. (2013). *Tirukkural porulurai* [Explanation of Thirukkural]. Kuala Lumpur: Uma Publication.
10. Miles, M.B., Huberman, A.M. and Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook*. Sage: London
11. Veerappan, S.M & Shankar, K. (2004). *Prinsip pengurusan dalam karya Thirukkural* [Principles of management in the work of Thirukkural]. Chennai: International Institute of Tamil.